



Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 12, Blok E7, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545  
Faks :603-88895542

## **KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

### **SITUASI SEMASA INFLUENZA A(H1N1) Bagi Minggu Epid 28/2010 (11 - 17 Julai 2010)**

Bagi tempoh minggu epid 28/2010 (11 - 17 Julai 2010), enam (6) kejadian kluster ILI yang baru telah dilaporkan dari empat (4) buah negeri berbanding lapan (8) kluster yang dilaporkan pada minggu yang sebelumnya, iaitu seperti yang ditunjukkan di **Lampiran 1** yang disertakan bersama.

Bilangan pesakit baru dengan simptom *Influenza-Like Illness* (ILI) yang telah dimasukkan ke hospital untuk rawatan dalam tempoh yang sama menunjukkan penurunan sebanyak 9.2% iaitu seramai 516 berbanding 568 pesakit pada minggu sebelumnya. Baki kes ILI yang masih dirawat di seluruh negara pada hari terakhir minggu epid 28/2010 (17 Julai 2010) adalah sebanyak 375 kes di 64 buah hospital termasuk 10 hospital swasta. Daripada jumlah tersebut, hanya 37 pesakit atau 9.9% merupakan kes Influenza A(H1N1) yang disahkan melalui ujian makmal. Juga, terdapat lima (5) kes H1N1 dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dan dua (2) daripadanya individu yang mempunyai faktor risiko.

Jumlah kes yang disahkan influenza A(H1N1) pada minggu yang sama menunjukkan penurunan sebanyak 29.7% iaitu sebanyak 52 kes berbanding 74 kes pada minggu sebelumnya, menjadikan jumlah terkumpul kes positif influenza A(H1N1) adalah 15,380. Tiada kematian dilaporkan menjadikan jumlah kes kematian adalah kekal 91 kes.

Sementara itu, sehingga 16 Julai 2010, sebanyak 97.54% vial vaksin H1N1 telah digunakan. Jumlah keseluruhan penerima vaksin H1N1 adalah seramai 369,225 orang; iaitu 99,333 orang adalah petugas barisan hadapan KKM, 94,905 orang petugas hadapan bukan anggota KKM (seperti Polis, ATM, BOMBA, Imigresen dan lain-lain agensi), serta 174,987 orang daripada kumpulan sasar berkeutamaan. Untuk makluman, vaksin H1N1 telah habis atau hampir habis di kebanyakan negeri kecuali negeri Johor yang masih terdapat lebih kurang 4,000 dos baki vaksin.

Seperti di kebanyakan negara, jangkitan influenza A(H1N1) adalah masih aktif. Orang awam perlu sentiasa berwaspada dan mengambil langkah-langkah kawalan dan pencegahan. Orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat terkini berkaitan virus Influenza A(H1N1) serta langkah-langkah pencegahan, boleh melayari laman sesawang <http://www.moh.gov.my> atau <http://h1n1.moh.gov.my> atau menghubungi hotline Kementerian Kesihatan di talian 03-88810200/0300 jam 8.00 pagi – 5.00 petang pada hari bekerja.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. HJ. MOHD. ISMAIL BIN MERICAN**  
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

22 Julai 2010

## Lampiran 1

### Senarai Laporan Kejadian Kluster *Influenza-Like Illness* (ILI) Yang Diterima Oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, Bagi Tempoh 11 - 17 Julai 2010

Bil.	Lokasi	Bil. Terdedah (orang)	Bil. Kes ILI di dalam kluster (orang)	Keputusan Sampel Positif H1N1	Tindakan diambil
1.	SM Sultan Abdul Halim, Kubang Pasu, Kedah.	656	3	Negatif H1N1	Satu kes diberi rawatan antiviral sebagai pesakit luar dan dua lagi diberi rawatan antiviral sebagai pesakit luar
2.	Rumah No. 14 Jalan MB 7/13 Taman Melaka Baru, Batu Berendam, Melak.	6	4	3 sampel positif H1N1	Empat kes dimasukkan ke wad dan diberi rawatan antiviral
3.	Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Selandar, Batang Melaka, Jasin, Melaka.	674	3	Negatif H1N1	Kesemua kes diberi rawatan antiviral sebagai pesakit luar
4.	Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN), Dengkil, Selangor.	420	27	4 sampel positif H1N1	20 kes diberi rawatan antiviral sebagai pesakit luar
5.	Perkampungan Orang Asli Kg Sungai Perah, Parit, Perak Tengah, Perak.	688	7	3 sampel positif H1N1	Kesemua diberi rawatan simptomatik sebagai pesakit luar
6.	SMK Teknik Kuala Kangsar, Perak.	696	8	6 sampel positif H1N1	Satu kes dimasukkan ke wad dan selebihnya dirawat sebagai pesakit luar